**KISAH KEJAYAAN**

# CELIK IT

**Maklumat Individu/ Organisasi**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Nama** | Nur Hazzizati Binti Azmi | **Umur** | 12 Tahun |
| **Email** | Tiada | **No. Telefon** | Tiada |
| **Alamat** | Perumahan Kilang Sawit Tementi 28200 Bera | **Tahun menjadi Ahli PI1M** | 5 April 2016 |

**Kisah kejayaan**

**Latar belakang**

Beliau merupakan seorang pelajar Sekolah Kebangsaan Felda Tementi. Nur hazzizati juga merupakan seorang ahli aktif di Pi1m Bandar 32. Beliau telah menjadi ahli bermula awal tahun 2015. Nur Hazzizati menetap di Perumahan Kilang Sawit Tementi. Telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam UPSR iaitu 6A.

**Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M**

Sebagai seorang pelajar tahun 6 beliau mempunyai pelbagai tugasan yang memaksanya untuk menggunakan kemudahan komputer dan internet bagi tujuan menyiapkan tugasan tersebut. Tugasan yang diberikan oleh guru sangat mencabar untuk disiapkan memandangkan beliau tidak biasa menggunakan internet, tetapi dengan pertolongan petugas Pi1m, ianya ternyata dapat membantunya untuk menyiapkan tugasan dengan lebih lancar.

**Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M**

Selepas mengikuti kelas yang dianjurkan oleh Pi1m, beliau menyedari tentang teknik penggunaan komputer lebih baik dari sebelum ini. Oleh kerana beliau kerap menggunakan Microsoft Powerpoint dan Word untuk menyelesaikan tugasan yang diberikan oleh guru, beliau dapat melakukannya dengan sendiri. Petugas Pi1m juga sering membantunya untuk menggunakan Microsoft Ofiice ini dengan lebih baik. Jika sebelum ini, beliau tidak begitu pandai menggunakan internet untuk mencari bahan belajar dan tugasan sekolah namun kini, beliau mampu untuk mencari sendiri. Nur hazzizati juga sudah pandai mengambil gambar dari internet dan memasukkannya ke dalam Microsoft word dan powerpoint.





Antara gambar adik Nur Hazizati menyertai kelas yang diadakan di bilik latihan Pi1M.